



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

HANTAR SEGERA BORANG C, R, C1, TA, TC & TR TAHUN TAKSIRAN 2010

Kuala Lumpur, 18 Julai - Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) hari ini mengingatkan pembayar cukai kategori Syarikat, Koperasi dan Badan Amanah yang menutup tempoh perakaunan mereka pada 31 Disember 2010 agar segera mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) Tahun Taksiran 2010 (Borang C, R, C1, TA, TC dan TR) selewat-lewatnya pada 31 Julai 2011. Mereka juga perlu menjelaskan segala amaun cukai yang kena dibayar selewat-lewatnya pada 31 Julai ini.

Perkara tersebut dimaklumkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM, Dato' Dr. Mohd Shukor Mahfar dalam satu kenyataan hari ini. Penghantaran borang dan urusan pembayaran baki cukai boleh dilakukan secara dalam talian melalui sistem e-Filing dan e-Bayaran yang boleh dicapai di www.hasil.gov.my Menurut beliau lagi, kegagalan mengemukakan BNCP dalam tempoh yang sepatutnya adalah menjadi satu kesalahan mengikut subseksyen 112(3) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Dalam perkembangan berkaitan, LHDNM telah menerima sebanyak 129,064 borang C, TA, TC dan TR Tahun Taksiran 2010 setakat ini. Jumlah ini mewakili 41% daripada bilangan borang yang sepatutnya diterima daripada pembayar cukai Syarikat dan Badan Amanah.

###

SEKIAN, TERIMA KASIH

Dikeluarkan oleh	:	Masrun bin Maslim Pegawai Perhubungan Awam Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Tarikh	:	18 Julai 2011
Nombor Telefon	:	03-6203 1380
Nombor Faks	:	03-6201 2434
Pusat Khidmat Pelanggan	:	1-300-88-3010

www.hasil.gov.my